

Pensabitan Nusyuz Isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak

Amir Fariz bin Che Man¹, Zaini bin Nasohah², dan Fasahah binti Haji Abu Mansor³

¹Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

²Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan

³Sekolah Kebangsaan Pasukan Polis Hutan, Jalan Intake 31150 Ulu Kinta, Perak Darul Ridzuan

ABSTRAK

Persoalan nusyuz isteri merupakan suatu isu kritikal dalam kehidupan berumah tangga. Daripada aspek perundangan, isu pensabitan nusyuz isteri dilihat memerlukan penyelesaian apabila beberapa permasalahan didapati mengganggu kelancaran pengendalian kes-kes berkaitan dengannya. Permasalahan tersebut ialah kecaburan peruntukan berkaitan pensabitan nusyuz isteri dalam enakmen, prosedur tuntutan sabitan nusyuz isteri yang kurang jelas dan beban pembuktian nusyuz isteri yang berat sehingga membawa kepada penghakiman yang tidak konsisten. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisa peruntukan dan tatacara pensabitan nusyuz dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak. Kajian ini turut menganalisa sama ada penghakiman kes-kes nusyuz isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak dibuat secara konsisten serta selaras dengan fiqh Islam. Kajian ini menggunakan metod analisa dokumen dan metod temu bual tidak berstruktur. Kajian ini mendapati bahawa peruntukan berkaitan nusyuz isteri ada dinyatakan dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak, tetapi bukan khusus tentang pensabitan nusyuz sebaliknya berkaitan kesan nusyuz terhadap nafkah. Penghakiman untuk pensabitan nusyuz isteri pula didapati dibuat mengikut prosedur yang ketat dan bersifat berhati-hati demi memastikan keadilan pihak-pihak yang bertelingkah dapat ditegakkan selaras dengan fiqh Islam.

Kata kunci: Nusyuz, pensabitan, penghakiman, enakmen, tatacara.

¹ E-mail: fariz@puo.edu.my

² E-mail: zbn@ukm.my

³ E-mail: uk_hutan@yahoo.com

1.0 PENGENALAN

Nusyuz merupakan suatu isu yang dibincangkan dalam syariat Islam di bawah bidang kekeluargaan atau munākahat. Mustafā al-Bughā dan Mustafā al-Khīn (1998) mentakrifkan nusyuz sebagai keingkaran isteri terhadap suami dengan tidak mentaatinya seperti yang telah diwajibkan oleh Allah. Allah SWT menjelaskan dalam surah al-Nisa' ayat 34 berkaitan langkah-langkah yang perlu diambil oleh suami sekiranya isteri nusyuz dengan firmanNya yang bermaksud:

“Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

Al-Kasāniyy (1997) menyebut bahawa seseorang isteri wajib mentaati suaminya apabila diajak untuk bersetubuh. Begitu juga seseorang isteri wajib menyerahkan dirinya kepada suami dan memelihara keaiban suami. Suami pula mempunyai autoriti untuk mendidik (ta'dib) tatkala isteri tidak mentaatinya dalam perkara-perkara yang sepatutnya ditaati kerana perkara ini dikira sebagai nusyuz.

Menurut Muhammad 'Alīsh (1989) pula, isteri yang nusyuz dertiakan sebagai isteri yang terkeluar daripada ketaatan terhadap suaminya, iaitu melarang suami daripada menyetubuhinya, melarang suami daripada berseronok-seronok dengannya, keluar dari rumah tanpa izin suami dan mengabaikan hak-hak Allah seperti mandi junub, solat dan puasa Ramadan.

Menurut pandangan al-Ashqar (1998), nusyuz isteri ialah penderhakaan isteri terhadap suaminya dalam perkara yang diwajibkan oleh Allah. Menurut al-Ashqar (1998) lagi, tanda-tanda nusyuz isteri antaranya ialah keluar dari rumah suami tanpa izinnya, enggan menuruti ajakan suami ke bilik tidur atau menuruti kehendak suami tetapi dalam keadaan yang terpaksa dan kebencian.

Dalam konteks semasa, isu ini didapati semakin menjadi-jadi sehingga membawa kepada kerapuhan dan keruntuhan institusi keluarga. Dalam kajian berkaitan permasalahan rumah tangga yang dijalankan oleh Raihanah Azahari (2007) di Unit Undang-undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling Selangor, daripada 123 aduan yang dibuat terhadap isteri dari tahun 2003 hingga 2005, 58 daripadanya adalah berkaitan tindakan isteri yang dikategorikan sebagai nusyuz,

iaitu 36 aduan berkaitan isteri keluar rumah tanpa izin dan 22 aduan berkaitan isteri mengingkari suami.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Razali Haji Nawawi (1998), nusyuz merupakan suatu isu yang kritikal kerana kelakuan-kelakuan yang disenaraikan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri Selangor 1984 berkaitan nusyuz isteri adalah umum dan kabur. Keadaan ini menurutnya, amat menuntut para kadi agar mengambil sikap cermat dan berhati-hati dalam mentafsirkannya. Bagi menjadikan perkara ini lebih kemas, beliau melontarkan suatu cadangan agar peruntukan berkaitan nusyuz ini diikatkan, iaitu suatu kelakuan nusyuz daripada isteri itu tidak dikira nusyuz apabila pihak suami terlebih dahulu melakukan nusyuz terhadap rumah tangga.

Perkara yang hampir sama juga disuarakan oleh Musa Awang (2004) yang menyatakan bahawa peruntukan nusyuz dalam Undang-undang Keluarga Islam hanyalah samar-samar dan lebih menyentuh tentang kesan nusyuz daripada segi naflkah dan bukannya peruntukan khusus tentang nusyuz. Menurutnya lagi, peruntukan samar-samar itu tidak memadai untuk menyelesaikan polemik dalam masyarakat. Ekoran daripada tiadanya tafsiran dan peruntukan bagi membolehkan suami mengisyiharkan isterinya nusyuz, maka ia telah mengundang lakuna. Apabila terdapat kesamaran dan kecaburan peruntukan tentang isteri nusyuz dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, sudah tentu ia mengganggu kelancaran dalam pengendalian dan penetapan keputusan kes-kes berkaitan dengannya.

Menurut Hamdi Ishak (2010), antara yang menjadi cabaran dan masalah kes-kes nusyuz di Mahkamah Syariah ialah prosedur tuntutan nusyuz yang berubah-ubah dan kurang jelas. Perkara ini disuarakan juga oleh Musa Awang (2004) yang pernah mengemukakan permohonan seorang suami untuk mensabitkan isteri nusyuz. Walau bagaimanapun, permohonan itu ditolak mentah-mentah oleh mahkamah dengan alasan nusyuz adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Pendakwaan Pejabat Agama Islam. Malangnya, apabila aduan nusyuz ini dimajukan pula ke bahagian tersebut, tiada tindakan susulan diambil untuk mendakwa isteri tersebut di mahkamah. Perkara ini secara tidak langsung telah menidakkann kuasa suami gara-gara ketiadaan undang-undang yang membolehkan suami bertindak balas terhadap perlakuan isteri yang kadangkala memang ternyata telah nusyuz.

Selain itu, Hamdi Ishak (2010) juga menyatakan bahawa beban pembuktian dalam kes-kes isteri nusyuz juga adalah berat. Menurut beliau, peruntukan sedia ada terlalu banyak memberi kelebihan kepada pihak isteri sehingga ia kelihatan seolah-olah menidakkannya kuasa suami untuk bertindak balas ke atas isterinya yang diyakini telah nusyuz. Kenyataan ini dilihat ada kebenaran jika diteliti dalam kes Aisny lwn. Haji Fahro Razi sebagai mana yang disebut oleh Ahmad Mohamed Ibrahim (2000). Dalam perbicaraan kes ini, terdapat beberapa isu yang ditimbulkan, antaranya ialah pertikaian oleh kedua-dua belah pihak berkenaan lafaz taklik yang dipakai di negeri Selangor, iaitu mengenai kewajipan suami memberi nafkah kepada isterinya tanpa menyentuh soal ketaatan isterinya kepada suami dan pertikaian oleh kedua-dua pihak tentang masalah isteri berpindah rumah tanpa keizinan suaminya. Namun, berdasarkan keputusan Lembaga Rayuan, dakwaan pihak suami bahawa responden berpindah rumah tanpa keizinannya telah ditolak oleh Yang Arif Hakim dan pihak isteri tidak dianggap nusyuz sekaligus melayakkannya untuk mendapat nafkah.

Sungguhpun isu yang dibangkitkan di atas menunjukkan pihak suami seolah-olah dinafikan haknya, perkara sebaliknya pula disebut oleh Maznah Mohamad (2000), iaitu kerap berlaku kekurangan alasan yang diberikan oleh Yang Arif Hakim untuk menguatkan hukuman atau perintah. Beliau memberi contoh kes mal Rokiah lwn. Mohd Nazeri yang memaparkan hakim telah memutuskan bahawa pihak isteri telah nusyuz dan tidak berhak untuk diperuntukkan nafkah idah kerana keluar rumah kelamin semasa idah walaupun si isteri mendakwa tindakannya itu berdasarkan keizinan suami. Hakim menetapkan keputusan itu walaupun suami tidak hadir untuk menafikan atau mengesahkan perkara tersebut. Melihat kepada kedua-dua penghakiman kes di atas, dapat dirumuskan bahawa kadangkala berlaku penghakiman yang tidak konsisten dalam kes nusyuz.

Menyedari akan kewujudan permasalahan-permasalahan ini, suatu kajian khusus mengenainya amat relevan dijalankan. Kesamaran dan kecaburan dalam isu nusyuz perlu diatasi demi memastikan keberkesanan penyelesaian masalah kekeluargaan melalui fiqh Islam dapat ditonjolkan serta aspek keadilan dalam menunaikan hak-hak pihak yang bertelingkah dapat dizahirkan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Menganalisa peruntukan dan tatacara pensabitan nusyuz isteri dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak.
2. Menganalisa sama ada penghakiman kes-kes nusyuz isteri di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak dibuat secara konsisten serta selaras dengan fiqh Islam.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah suatu kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes. Metod analisa dokumen digunakan oleh penulis secara meluas dalam kajian ini terhadap pelbagai sumber seperti buku, dokumen penyelidikan ilmiah, dokumen perundangan, kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah, artikel jurnal, kertas-kertas kerja dan akhbar. Selain metod analisa dokumen, penulis turut menggunakan metod temu bual. Bentuk soalan yang digunakan penulis ialah temu bual tidak berstruktur, iaitu soalan diajukan kepada peserta kajian secara bebas tanpa terikat dengan susunan dan masa tertentu. Individu-individu yang ditemu bual ialah Yang Arif Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak, iaitu Tuan Mohd Esham bin Abdul Samad dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak, iaitu Tuan Abdul Fitri bin Salleh. Kedua-dua peserta kajian untuk temu bual ini dipilih menggunakan persampelan berasaskan tujuan atau pertimbangan (purposive / judgmental).

5.0 ANALISA PERUNTUKAN PENSABITAN NUSYUZ ISTERI DALAM ENAKMEN KELUARGA ISLAM PERAK 2004

5.1 Peruntukan Berkaitan Nusyuz dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004

Melalui penelitian terhadap Enakmen Keluarga Islam Perak 2004, penulis mendapati bahawa nusyuz hanya disebut dalam Bahagian VI, iaitu Nafkah Isteri, Anak dan Lain-lain di bawah perkara Kuasa Mahkamah untuk Memerintahkan Nafkah bagi Isteri dan Kesan Nusyuz, iaitu seksyen 60 (2) dan 60 (3). Kandungan kedua-dua seksyen tersebut adalah seperti berikut:

60. (2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah, seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu antara lain;
- a) apabila dia menjauhkan dirinya daripada suaminya;
 - b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
 - c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke suatu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
- (3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.

Daripada peruntukan ini, penulis dapat membuat rumusan bahawa persoalan nusyuz tidak disebut secara berasingan melalui suatu peruntukan yang khusus dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Sebaliknya, persoalan nusyuz hanya disebut di bawah perkara berkaitan nafkah. Oleh yang demikian, penulis bersetuju bahawa wujud kecaburan dan kesamaran pada peruntukan ini untuk tujuan pensabitan nusyuz isteri sebagaimana yang dinyatakan oleh Razali Haji Nawawi (1998) dan Musa Awang (2004).

Jika dibuat perbandingan, kesemua perbuatan yang disenaraikan ini adalah menepati dengan yang disenaraikan oleh para fuqaha. Ini menunjukkan bahawa penentuan perbuatan-perbuatan isteri yang boleh disabitkan sebagai nusyuz isteri dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 adalah selari dengan pendapat para fuqaha. Menurut Tuan Mohd Esham bin Abdul Samad, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, di samping peruntukan dalam enakmen serta pandangan fuqaha, pihak hakim akan menggunakan budi bicara yang berlandaskan rujukan hukum syarak dalam mentafsirkan perbuatan-perbuatan lain yang boleh dikira sebagai nusyuz.

5.2 Tatacara Pensabitan Nusyuz

Untuk membawa kes nusyuz isteri ke muka pengadilan, terdapat dua langkah yang boleh diambil oleh pihak suami, iaitu sama ada terus membuat tuntutan di Mahkamah Syariah atau pun membuat dakwaan melalui Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam. Tuntutan nusyuz yang dibuat terus di Mahkamah Syariah akan membawa implikasi isteri hanya akan dinafikan hak nafkahnya sahaja jika sabit nusyuz, manakala dakwaan nusyuz yang dibuat melalui Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam akan membawa implikasi isteri turut dikenakan denda jika sabit nusyuz.

Bagi memulakan prosiding nusyuz ini pula, suatu saman perlu dikemukakan oleh plaintif kepada pihak defendant. Prosiding berkaitan nusyuz ini perlu melalui saman dan bukannya melalui permohonan kerana Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 telah menetapkan sedemikian.

Dengan merujuk kandungan seksyen 63 hingga 67 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 ini, dapatlah disimpulkan bahawa dalam konteks kes nusyuz, beberapa tindakan perlu dilaksanakan oleh pihak plaintif dan defendant sebelum pihak mahkamah mengisytiharkan atau mensabitkan seseorang isteri telah nusyuz sekaligus menggugurkan hak nafkahnya.

Tindakan-tindakan tersebut secara umumnya apabila seseorang suami itu ingin membuat tuntutan sabitan nusyuz ke atas isterinya, pihak suami perlu menfaillkan pernyataan tuntutan kepada mahkamah. Dalam tuntutan tersebut, pihak suami selaku plaintif perlu menyatakan fakta-fakta yang dijadikan sandaran dan yang menunjukkan kausa tindakannya termasuk butiran-butiran tertentu yang menyokong dakwaan plaintif. Selain itu, dalam tuntutan itu juga pihak suami perlu memasukkan suatu pernyataan tentang relief yang dituntut, iaitu memohon mahkamah mensabitkan nusyuz ke atas isterinya berdasarkan peruntukan yang berkaitan dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Apabila pihak mahkamah telah mendaftarkan kes tersebut, pihak mahkamah akan memanggil kedua-dua pihak, iaitu suami dan isteri untuk mendengar keterangan kedua-dua pihak. Sekiranya pihak isteri mengakui dan tidak membuat sebarang penafian terhadap segala yang terkandung dalam tuntutan yang dibuat oleh suaminya dan mahkamah berpuas hati dengan fakta-fakta serta bukti-bukti yang menyokong tuntutan suami, maka mahkamah akan mensabitkan nusyuz ke atas isteri tersebut berdasarkan seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Namun, jika isteri selaku defendant itu mempertikai atau tidak bersetuju dengan sebahagian atau keseluruhan kandungan tuntutan yang dibuat oleh pihak suaminya, maka pihak isteri boleh menfaillkan pernyataan pembelaan. Dalam pembelaan tersebut, pihak isteri perlu memasukkan pernyataan yang mengaku atau menafikan setiap fakta dan butiran yang terkandung dalam pernyataan tuntutan pihak suami. Pihak isteri juga perlu menyatakan fakta-fakta baru yang dijadikan sandaran olehnya sebagai pembelaan. Bagi menguatkan pembelaan tersebut, pihak isteri perlu membangkitkan apa-apa perkara perundangan yang berkaitan.

Selain pembelaan, pihak mahkamah juga memberi peluang kepada pihak isteri untuk mengemukakan tuntutan balas jika ada, bersama-sama dengan pembelaannya itu. Daripada segi bentuk kandungan tuntutan balas, ia adalah sama seperti pernyataan tuntutan.

Setelah pihak isteri menfaillkan pembelaannya dan tuntutan balas sekiranya ada, mahkamah boleh (atas alasan yang mencukupi) memberi kebenaran kepada pihak plaintiff untuk menfaillkan suatu jawapan kepada pembelaan, sama ada pembelaan itu merupakan pembelaan terhadap sesuatu tuntutan atau terhadap sesuatu tuntutan balas.

Apabila kesemua proses ini telah dilalui, mahkamah akan meneliti sedalam-dalamnya segala keterangan, bukti dan butiran fakta yang ada. Setelah berpuas hati dan tiada sebarang keraguan yang boleh dipertikaikan, maka keputusan untuk mensabitkan nusyuz ke atas seseorang isteri itu pun dibuat.

Bagi tuntutan sabitan nusyuz yang difaillkan dengan alasan isteri meninggalkan rumah tanpa izin atau isteri enggan mentaati suami, pihak mahkamah terlebih dahulu akan mengeluarkan perintah kembali taat dalam sesuatu tempoh masa yang sesuai kepada pihak isteri. Jika tempoh masa yang diberikan oleh pihak mahkamah telah berakhir tetapi pihak isteri masih tidak menuruti perintah mahkamah itu, maka barulah mahkamah mengisyiharkan atau mensabitkan isteri itu nusyuz.

Sebenarnya berdasarkan Enakmen Keluarga Islam Perak 2004, perintah untuk isteri kembali taat kepada suami tidak diperuntukkan. Walau bagaimanapun, dari segi amalan di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak, kebiasaannya hakim akan menggunakan budi bicaranya dengan mengeluarkan perintah kembali taat kepada pihak isteri terlebih dahulu sebelum keputusan pengisyiharan nusyuz dibuat.

6.0 ANALISA PENGHAKIMAN KES-KES NUSYUZ ISTERI OLEH MAHKAMAH RENDAH SYARIAH IPOH PERAK

6.1 Kes Jaafar bin Md. Amin lwn. Zarina binti Mahayuddin (No. Kes: 08001/058/0621/2005)

Fakta Kes

Plaintif dan defendant bernikah pada 19 Mac 1994 dan mempunyai tiga orang cahaya mata. Dalam pernyataan tuntutan, plaintiff menyatakan bahawa defendant telah meninggalkan rumah kelamin dan balik ke rumah keluarganya pada 30 September 2005 tanpa pengetahuan plaintiff. Defendant ada menghubungi plaintiff memaklumkan akan kembali ke rumah pada 2 Oktober 2005. Namun, pada tarikh tersebut defendant menghubungi plaintiff dan memaklumkan bahawa defendant tidak akan pulang ke rumah. Sebaliknya, defendant akan terus tinggal di rumah keluarganya. Pada 5 Oktober 2005, plaintiff telah dihubungi oleh Pejabat Agama Islam Batu Gajah, Perak yang meminta plaintiff hadir ke pejabat tersebut pada 7 Oktober 2005 untuk sesi kaunseling.

Plaintif menyatakan bahawa sepanjang perkahwinan, plaintiff dan defendant tidak pernah bergaduh. Masalah rumah tangga mereka hanya bermula apabila defendant meninggalkan rumah pada 30 September 2005 dengan membawa bersama anak-anak ke kampung tanpa izin plaintiff. Oleh yang demikian, plaintiff telah memohon kepada mahkamah agar defendant diisyiharkan nusyuz di bawah seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Plaintiff juga telah memohon kepada mahkamah suatu perintah agar defendant balik dan taat kepada plaintiff.

Apabila pihak mahkamah memanggil pihak-pihak yang bertelingkah untuk mendengar sebutan, mahkamah dimaklumkan bahawa pihak defendant, iaitu isteri telah terlebih dahulu menfaikan tuntutan perceraian taklik (No. Kes: 08001/057/0615/2005) dua hari sebelum plaintiff, iaitu suami menfaikan tuntutan sabitan nusyuz. Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan untuk mendengar kes tuntutan sabitan nusyuz bersekali dengan tuntutan perceraian taklik.

Dalam pernyataan tuntutan perceraian taklik, plaintiff iaitu isteri telah menyatakan bahawa pada 30 September 2005 plaintiff balik ke rumah ibu bapanya kerana telah membuat keputusan untuk berpisah dengan defendant, iaitu suaminya kerana defendant merupakan seorang penagih dadah. Sepanjang perkahwinan, plaintiff telah banyak bersabar dengan perlakuan keji defendant itu. Plaintiff menyatakan bahawa defendant menjadikan rumah kelamin mereka

sebagai tempat menghisap dadah bersama abang defendant. Ada kalanya, defendant menghisap dadah di depan anak-anak. Defendant juga tidak memberi nafkah yang mencukupi serta pernah memaksa plaintif meminjam wang daripada ahli keluarga dan jiran-jiran.

Semasa akad nikah dahulu, plaintif menyatakan bahawa defendant ada melafazkan cerai taklik. Oleh yang demikian, plaintif memohon kepada mahkamah agar mensabitkan lafaz cerai taklik tersebut mengikut seksyen 50 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Penghakiman

Semasa perbicaraan, pihak plaintif dan defendant telah mencapai suatu persetujuan, iaitu defendant selaku suami bersetuju menceraikan plaintif dan defendant juga bersetuju untuk menarik balik tuntutan sabitan nusyuz terhadap plaintif. Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan untuk mengesahkan perceraian tersebut mengikut seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Analisa

Berdasarkan kes ini, penulis mendapati bahawa terdapat pertembungan dua tuntutan yang dibuat oleh pihak suami dan isteri, iaitu tuntutan sabitan nusyuz ke atas isteri dan tuntutan pengesahan perceraian taklik. Memandangkan kedua-dua tuntutan ini melibatkan pihak-pihak yang sama, serta keterangan-keterangan dalam kedua-dua tuntutan ini berkisar perkara-perkara yang hampir sama, maka mahkamah memutuskan untuk mendengar kedua-dua kes ini secara bersekali.

Walaupun tiada peraturan yang menetapkan dua kes didengar secara bersekali, namun demi mempercepatkan penyelesaian pengendalian kes dan pihak-pihak yang bertelingkah akan mendapat hak masing-masing tanpa melalui tempoh perbicaraan yang panjang, maka pihak hakim telah menggunakan budi bicaranya untuk mendengar secara bersekali kedua-dua tuntutan tersebut.

Di samping itu, tindakan mahkamah mendengar dua kes ini secara bersekali adalah sebagai memenuhi kehendak Arahan Amalan berkaitan kes nusyuz yang menyatakan bahawa kes nusyuz hendaklah didengar dalam kes induk dan tidak perlu dibuat berasingan.

Merujuk kepada tuntutan suami untuk mensabitkan isterinya nusyuz, alasan isteri keluar rumah tanpa izin adalah diterima oleh hukum syarak berdasarkan pandangan fuqaha dan juga ada dalam peruntukan Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Walau bagaimanapun, setelah meneliti kandungan tuntutan pengesahan perceraian yang dibuat oleh isteri, didapati pihak isteri mempunyai alasan yang boleh diterima oleh syarak untuk keluar dari rumah kelamin tanpa izin, iaitu suami seorang penagih dadah dan berperangai buruk dengan menghisap dadah di depan anak-anak. Tindakan isteri ini dilihat bertujuan melindungi emosi dan psikologi anak-anak serta dirinya sendiri yang dipaksa oleh suami untuk berhutang dengan ahli keluarga dan jiran. Tindakan suami yang tidak menafalkan pembelaan terhadap tuntutan pihak isteri pula menampakkan bahawa suami memang berada di pihak yang salah.

Keputusan pihak mahkamah membenarkan persetujuan plaintif dan defendant untuk bercerai dan menarik balik tuntutan sabitan nusyuz ke atas isteri adalah langkah terbaik demi menjaga kemaslahatan kedua-dua pihak dan selari dengan roh syariat Islam.

6.2 Kes Kasim bin Abdul Ghani lwn. Juhana binti Tajudin (No. Kes: 08001/058/499/2006)

Fakta Kes

Plaintif dan defendant bernikah pada 26 Ogos 1988 dan mempunyai seorang anak. Dalam pernyataan tuntutan, plaintif menyatakan bahawa pada 25 Julai 2006 defendant telah lari dari rumah dan sehingga kini defendant tidak dapat dikesan. Defendant pernah menghubungi plaintif melalui telefon dan kesempatan itu digunakan oleh plaintif untuk memujuk defendant agar pulang tetapi defendant enggan. Oleh yang demikian, plaintif telah memohon kepada mahkamah suatu perintah agar defendant balik dan kembali taat. Jika defendant enggan, plaintif mohon mahkamah mengisyiharkan defendant nusyuz mengikut seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Penghakiman

Setelah meneliti kes ini, mahkamah membenarkan permohonan plaintif, iaitu defendant diperintahkan untuk kembali taat kepada plaintif dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah itu dikeluarkan dan jika tempoh tersebut telah tamat, defendant diisyiharkan nusyuz seperti mana dibenarkan mengikut seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Memandangkan sepanjang kes ini dikendalikan defendant tidak pernah hadir dan laporan penyampaian saman juga menunjukkan bahawa saman tidak dapat disampaikan kepada defendant, maka mahkamah mengarahkan agar penyampaian perintah ini dibuat di akhbar tempatan.

Analisa

Berdasarkan penelitian terhadap kes ini, penulis mendapati bahawa alasan yang dikemukakan oleh plaintif agar mahkamah mensabitkan defendant sebagai nusyuz adalah sama dengan kes-kes yang lain, iaitu keluar rumah tanpa izin. Sungguhpun begitu, penulis mendapati kes ini agak ringkas berbanding kes-kes nusyuz lain yang dikaji oleh penulis kerana pihak defendant tidak dapat dikesan oleh plaintif sehingga kes ini difailkan di mahkamah. Sepanjang perbicaraan di mahkamah pula, defendant tidak pernah menghadirkan diri. Laporan penyampaian saman juga menunjukkan bahawa saman tidak dapat diserahkan kepada defendant. Oleh yang demikian, tiada sebarang pembelaan difailkan oleh pihak defendant.

Dalam menghakimi kes sebegini, didapati bahawa pihak mahkamah telah bertindak berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004, iaitu sekiranya saman yang dikeluarkan itu tidak dapat disampaikan kepada pihak defendant secara biasa, maka penyampaian boleh dibuat dalam mana-mana akhbar tempatan. Perkara ini ada dinyatakan dalam seksyen 48 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004.

Setelah tempoh masa yang diberikan untuk defendant mematuhi perintah yang dikeluarkan itu berakhir dan defendant masih belum dapat dikesan serta tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak defendant, maka mahkamah telah membuat pengisytiharan nusyuz. Pengisytiharan ini dibuat setelah mahkamah mengarahkan plaintif mengangkat sumpah istizhar. Perkara ini pula dinyatakan dalam seksyen 121 (1) (b) dan seksyen 121 (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004.

Dalam persoalan sumpah istizhar ini, Wahbah al-Zuhayliyy (1985) telah mendatangkan pandangan keempat-empat mazhab. Secara ringkasnya, menurut mazhab Mālikiyy, sumpah ini dibuat untuk kes nafkah isteri, dakwaan ke atas orang yang ghaib, anak yatim, wakaf, tempat-tempat tinggal, setiap perkara kebajikan, baitul mal, haiwan dan sebagainya. Mazhab Hanafiyy pula menyenaraikan beberapa keadaan yang diwajibkan ke atas pihak yang mendakwa untuk bersumpah istizhar, iaitu termasuklah dalam kes nafkah isteri bagi suami yang ghaib. Pada pandangan mazhab Shāfi‘iyy pula, sumpah istizhar dikenakan walaupun tidak diminta oleh pihak yang terlibat dalam pertikaian, jika ia melibatkan kes dakwaan ke atas orang yang mati, orang yang ghaib, kanak-kanak kecil, orang yang ditahan (mahjūr), orang bodoh (safīh), orang gila, orang yang kurang akal dan dalam kes yang dibuktikan melalui saksi dan sumpah. Walau bagaimanapun bagi mazhab Hanbaliyy pula, sumpah istizhar ini dikenakan

sekiranya terdapat keterangan ke atas orang yang ghaib, orang yang bersembunyi, orang yang sudah mati, anak kecil atau orang gila.

Daripada pandangan-pandangan ini, dapatlah dirumuskan bahawa sekiranya pihak yang didakwa tidak hadir atau tidak dapat dikesan (ghaib) semasa proses perbicaraan dijalankan, maka sesuatu kes itu boleh diputuskan secara sebelah pihak dengan syarat pihak yang mendakwa dikehendaki untuk bersumpah istizhar.

Dengan ini, jelaslah bahawa dalam kes Kasim bin Abdul Ghani lwn. Juhana binti Tajudin, pihak hakim telah membuat keputusan yang menepati peruntukan dalam enakmen serta pandangan syarak.

**6.3 Kes Fauzy Omar Basheer bin Othman lwn. Sarah Nur binti Shamsuddin
(No. Kes: 08001/058/0483/2007)**

Fakta Kes

Plaintif dan defendant bernikah pada 2 Ogos 2002 dan dikurniakan seorang anak. Plaintiff merupakan seorang Jurutera Petronas dan dihantar bertugas di Austria pada Januari 2006. Plaintiff pergi ke sana bersama defendant dan anak mereka. Menurut pernyataan tuntutan plaintiff, pada Jun 2006 defendant pulang ke Malaysia bersama anak mereka kerana defendant akan memulakan tugas sebagai doktor. Walaupun plaintiff tidak bersetuju dan defendant sendiri keberatan untuk pulang ke Malaysia, namun atas desakan keluarga defendant tindakan itu diambil juga. Situasi kehidupan mereka yang tinggal berjauhan ini menyebabkan plaintiff membuat keputusan untuk pulang ke Malaysia setiap lapan minggu sekali dan setiap kali pulang, plaintiff akan berada selama dua minggu untuk bersama-sama dengan defendant dan anak mereka.

Selepas beberapa lama plaintiff dan defendant tinggal berjauhan, plaintiff mendapat tahu bahawa defendant ada membuat hubungan dengan lelaki lain yang juga merupakan seorang doktor di hospital tempat defendant bertugas. Apabila diminta penjelasan oleh plaintiff, defendant mengakui akan perkara tersebut.

Dalam pernyataan tuntutan itu juga, plaintiff memaklumkan bahawa plaintiff dan defendant pernah mendapat khidmat kaunseling di Pejabat Agama Islam Kuala Kangsar dan hasilnya defendant berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya itu. Walau bagaimanapun, defendant telah memungkiri janjinya itu apabila masih meneruskan hubungan dengan doktor lelaki tersebut. Oleh yang demikian,

plaintif telah memohon kepada mahkamah agar mensabitkan nusyuz ke atas defendan seperti yang dibenarkan mengikut seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Bagi pihak defendan pula, setelah menerima pernyataan tuntutan daripada plaintif, defendan memahaminya dan tidak bercadang untuk memfailkan pembelaan. Defendan memahami akan kesan dan akibat apabila disabitkan nusyuz ke atasnya.

Penghakiman

Apabila tiada pembelaan yang dibuat oleh pihak defendan terhadap tuntutan plaintif, maka mahkamah telah mensabitkan nusyuz ke atas defendan mengikut seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Ekoran daripada pensabitan ini, mahkamah memutuskan hak nafkah dan tanggungjawab plaintif terhadap defendan gugur.

Analisa

Kes ini telah menunjukkan berlakunya pensabitan nusyuz ke atas isteri apabila mahkamah berpuas hati dengan pernyataan tuntutan suami dan tiada pernyataan pembelaan yang difailkan oleh isteri. Ini menunjukkan bahawa tuduhan suami tentang perbuatan nusyuz isterinya adalah benar sekaligus membolehkan mahkamah membuat sabitan nusyuz terhadap isteri sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Dalam memutuskan keputusan pensabitan nusyuz ke atas isteri ini, asas yang dijadikan sandaran oleh hakim ialah reaksi defendan atau isteri tersebut yang tidak mempertikai atau membantah keseluruhan mahupun sebahagian tuntutan plaintif. Bahkan isteri terbabit mengaku (iqrar) akan perbuatan nusyuznya serta memahami kesan daripada pengisytiharan nusyuz kepada dirinya yang bakal dikeluarkan oleh mahkamah.

Apabila pihak isteri tidak menfailkan pembelaan atau mempertikai tuntutan suami seperti yang ditetapkan dalam tatacara ini, bahkan wujud pula pengakuan akan perbuatan nusyuz oleh pihak isteri, maka hal ini menjadi asas kepada mahkamah untuk mensabitkan nusyuz ke atas isteri.

6.4 Kes Syed Dany Faizal bin Said Md Nasir Iwn. Wan Suhana binti Mior Ahmad Sabri
(No. Kes: 08001/058/0354/2008)

Fakta Kes

Plaintif dan defendant bernikah pada 1 Mei 2004 dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Dalam pernyataan tuntutan, plaintiff menyatakan bahawa pada 5 Mei 2008, dia telah memujuk defendant yang ketika itu berada di rumah keluarganya untuk kembali ke pangkuannya. Walau bagaimanapun, defendant enggan dan keluarga defendant pula menghalang plaintiff untuk membawa defendant pulang. Oleh yang demikian, plaintiff telah memohon kepada mahkamah suatu perintah agar defendant balik dan taat semula atau mengisyitiharkan defendant nusyuz seperti yang dibenarkan mengikut seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Setelah menerima pernyataan tuntutan, defendant telah menfaillkan pernyataan pembelaan dengan menyatakan bahawa pada 5 Mei 2008 plaintiff masih dalam tahanan reman polis. Oleh itu, defendant menafikan ada menerima sebarang panggilan telefon atau berkomunikasi dengan plaintiff pada tarikh tersebut. Defendant juga dalam pembelaannya menyatakan bahawa sepanjang empat tahun perkahwinan mereka, plaintiff sering mengamuk tanpa sebab. Defendant sering dipukul, disepak dan diterajang. Defendant pernah tumpah darah ketika mengandung akibat tindakan-tindakan ganas plaintiff. Defendant juga menyatakan bahawa plaintiff terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Setelah menerima pernyataan pembelaan, plaintiff menfaillkan pula pernyataan tuntutan terpinda dengan menyatakan bahawa sepanjang perkahwinan dengan defendant, rumah tangga mereka tidak pernah aman kerana keluarga defendant sering masuk campur dan menghasut defendant apabila berlaku perselisihan di antara plaintiff dan defendant. Plaintiff menyatakan bahawa ibu bapa defendant sering berusaha untuk memisahkan defendant dengan plaintiff. Plaintiff menyatakan bahawa dia telah memberi keizinan kepada defendant untuk berpantang di rumah ibu bapa defendant sehingga selesai tempoh berpantang atau sehingga benar-benar sihat akibat bersalin. Namun, apabila habis berpantang dan defendant telah benar-benar sihat, defendant enggan balik ke rumah tanpa alasan yang munasabah.

Plaintif pernah beberapa kali memujuk defendant untuk kembali tetapi defendant tetap enggan. Plaintiff percaya bahawa keputusan defendant itu adalah akibat hasutan ibu bapa defendant. Menurut plaintiff juga, ibu bapa defendant pernah meminta agar plaintiff melepaskan defendant tetapi plaintiff enggan kerana masih

menyayangi defendant. Pada 30 April 2008, plaintiff menyatakan bahawa berlaku pertengkaran mulut dengan defendant. Kemudian, defendant telah menghubungi bapanya dan tidak lama selepas itu, bapa defendant datang bersama polis. Plaintiff telah dibawa ke Balai Polis untuk disoal siasat. Pada masa yang sama, bapa defendant membawa defendant dan anak-anak balik ke rumah keluarga defendant. Pada 5 Mei 2008, plaintiff telah dibebaskan dengan jaminan polis dan plaintiff telah menghubungi defendant untuk memujuknya pulang ke rumah tetapi defendant enggan.

Setelah menerima pernyataan tuntutan terpinda ini, defendant sekali lagi menfaikan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas terpinda. Dalam pembelaan itu, defendant menyatakan bahawa tujuan dia mengikut bapanya pulang ke rumah keluarganya adalah untuk menyelamatkan diri kerana plaintiff merupakan seorang yang panas baran dan sering bertindak ganas terhadap defendant. Menurut defendant, plaintiff sudah tidak bekerja sebagai guru kerana telah ditamatkan perkhidmatan. Menurut defendant juga, perkahwinan mereka direstui oleh keluarga defendant dan defendant hairan mengapa plaintiff mendakwa perkahwinan mereka tidak direstui.

Di samping membuat pernyataan pembelaan terpinda, defendant juga membuat tuntutan balas iaitu defendant ingin menuntut fasakh atas sebab-sebab berikut, iaitu plaintiff sering mengamuk dan memukul defendant tanpa sebab, plaintiff terlibat dengan penyalahgunaan dadah, plaintiff mengabaikan tanggungjawab sebagai pendidik kerana sering tidak hadir ke sekolah, plaintiff tidak pernah bersembahyang dan berpuasa, plaintiff tidak memberi nafkah yang cukup kerana wang gaji digunakan untuk membeli dadah dan plaintiff pernah terlibat dengan kes jenayah, iaitu melanggar bapa defendant dengan kereta sehingga patah tangan bapa defendant. Kes tersebut masih dalam siasatan polis di bawah seksyen 325 Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, defendant telah memohon kepada mahkamah agar meluluskan pembubaran perkahwinan mereka di bawah seksyen 53 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Selepas itu, plaintiff pula memberi jawapan kepada tuntutan balas defendant dengan menafikan bahawa dia telah ditamatkan perkhidmatan sebagai guru. Plaintiff juga menyatakan bahawa plaintiff bukan seorang yang ganas, sebaliknya seorang pendiam melainkan jika ada provokasi. Plaintiff menyatakan bahawa bapa defendantlah yang sering mengganggu plaintiff di sekolah tempat plaintiff bertugas dan hal ini memberi tekanan kepada plaintiff. Akibat tekanan, gangguan dan campur tangan daripada pihak bapa defendant, plaintiff telah mengalami Major Mental Depression dan plaintiff masih mendapatkan rawatan doktor pakar di Hospital Ipoh. Akibat masalah tekanan ini, plaintiff mengambil cuti tanpa gaji untuk memulihkan keadaan diri.

Penghakiman

Setelah meneliti keterangan daripada kedua-dua belah pihak dan atas persetujuan pihak suami dan pihak isteri untuk bercerai, maka mahkamah telah membuat keputusan plaintif dan defendant bercerai di bawah seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Defendant juga bersetuju untuk tidak membuat sebarang tuntutan nafkah sama ada nafkah idah, mutaah dan harta sepencarian selepas perceraian ini. Hak penjagaan anak sulung diberi kepada plaintif, manakala anak kedua diberikan kepada defendant.

Analisa

Berdasarkan kes ini, penulis mendapati suami telah mengemukakan permohonan kepada mahkamah suatu perintah agar isterinya balik dan taat semula atau mengisyiharkan isterinya nusyuz jika isteri enggan mematuhi perintah itu. Alasan kepada permohonan suami ini ialah isterinya telah keluar rumah tanpa izin dan enggan pulang walaupun setelah dipujuk. Jika dirujuk pada seksyen 60 (2) Enakmen Keluarga Islam Perak 2004, permohonan ini adalah dibenarkan. Begitu juga menurut pandangan keempat-empat mazhab utama, isteri yang keluar rumah tanpa izin boleh dikira sebagai nusyuz.

Sungguhpun begitu setelah meneliti pembelaan isteri, penulis mendapati tindakan isteri keluar rumah tanpa izin suami adalah bertujuan untuk menyelamatkan diri daripada tindakan-tindakan suami yang mendatangkan kecederaan fizikal terhadapnya. Apabila dirujuk kepada pandangan fuqaha, alasan ini dikira munasabah dan isteri tidak boleh disabitkan nusyuz atas tindakannya itu. Walaupun dalam tuntutan balas isteri ada memohon kepada mahkamah agar membubarkan perkahwinan mereka berdasarkan peruntukan dalam seksyen 53 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 tetapi setelah melalui proses perbicaraan, suami dan isteri masing-masing bersetuju untuk bercerai secara biasa. Oleh yang demikian, mahkamah membuat keputusan plaintif dan bercerai mengikut seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Walaupun isteri tidak disabitkan nusyuz dalam kes ini, isteri tersebut bersetuju untuk tidak menuntut sebarang nafkah, mutaah dan harta sepencarian selepas perceraian tersebut.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun peruntukan berkaitan nusyuz ada dinyatakan dalam Enakmen Keluarga Islam 2004, iaitu dalam seksyen 60 (2) dan 60 (3) namun peruntukan ini boleh disifatkan sebagai kabur dan samar untuk tujuan pensabitan nusyuz isteri kerana kedua-kedua seksyen ini bukan khusus kepada isu nusyuz, tetapi lebih kepada isu nafkah terhadap isteri.

Perkara kedua yang penulis dapat simpulkan ialah apabila tiada peruntukan khusus mengenai nusyuz dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004, maka pengendalian kes tuntutan sabitan nusyuz yang dibuat adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan berkaitan yang sedia ada di samping budi bicara dan penafsiran hakim terhadap kandungan peruntukan dalam enakmen yang mempunyai hubung kait dengan nusyuz. Keadaan sebegini pada pandangan penulis memungkinkan berlaku penghakiman yang tidak konsisten antara satu-satu kes dengan kes-kes yang lain atau antara seseorang hakim dengan hakim-hakim yang lain. Keadaan sebegini juga sedikit sebanyak dibimbangi boleh menggugat nilai keadilan kepada pihak-pihak yang bertelingkah seterusnya menyumbang kepada satu lagi perspektif negatif masyarakat terhadap kewibawaan Mahkamah Syariah.

Seterusnya, melalui penelitian penulis terhadap fail-fail kes nusyuz di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak, didapati bahawa pihak mahkamah telah mematuhi prosedur yang ditetapkan dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 sebelum melakukan pensabitan atau pengisytiharan nusyuz ke atas isteri.

Bagi empat kes nusyuz yang penulis pilih untuk tujuan analisa, didapati tiga daripadanya berlaku pensabitan semasa penghakiman. Antara sebab pensabitan adalah pihak isteri gagal hadir ke mahkamah untuk membuat pembelaan dan isteri membuat pengakuan bersalah. Satu kes lagi tidak berlaku pensabitan nusyuz kerana wujud persetujuan bersama di antara suami dan isteri untuk bercerai secara biasa dan pihak suami menarik balik tuntutan nusyuz.

Dari sudut penghakiman pula, penulis mendapati pihak mahkamah begitu berhati-hati dalam mengeluarkan keputusan untuk mensabitkan nusyuz ke atas isteri. Keadaan ini berlaku demi menegakkan keadilan serta mengelakkan mana-mana pihak rasa dizalimi.

8.0 KESIMPULAN

Mahkamah Rendah Syariah Ipoh Perak didapati telah mengendalikan kes tuntutan nusyuz isteri dengan adil dan menepati fiqh Islam walaupun terdapat sedikit kelompongan peruntukan yang tidak mengkhususkan sabitan nusyuz dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Namun, selaku badan pentafsir undang-undang, pihak hakim telah menggunakan kuasanya untuk mentafsir seksyen 60 (2) enakmen berkenaan sebagai sandaran yang digunakan untuk mengendalikan kes tuntutan sabitan nusyuz. Melihat kepada kekurangan ini, suatu peruntukan yang khusus berkaitan sabitan nusyuz perlu dimasukkan dalam enakmen agar pengendalian kes tersebut menjadi lebih lancar dan wujud keseragaman pentafsiran di antara seorang hakim dengan hakim yang lain.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Ahmad Mohamed Ibrahim. (2000). Penghakiman Undang-undang Keluarga Islam. Dlm. Abdul Monir Yaacob (pnyt). Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN. Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia. Cet. ke-2. Hlm. 43-135.

al-Ashqar, Muhammad ibn Sulaymān ibn ‘Abdullah. (1998). Al-Mujalla Fī al-Fiqh al-Hanbaliyy. Damsyik: Dār al-Qalām. Jil. 1. Hlm. 475

al-Kasāniyy, ‘Ala’ al-Dīn Abī Bakr. (1997). Badā’i al-Sanā’i’ Fī Tartīb al-Sharā’i’, Tahqīq: Mu’awwid, Muhammad ‘Aliyy & ‘Abd al-Mawjūd, ‘Ādil Ahmad. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jil. 3. Hlm. 613

al-Khīn, Mustafā, & al-Bughā, Mustafā. (1998). al-Fiqh al-Manhajiyy ‘Ala Madhhab al-Imām al-Shāfi’iyy. Beirut: Dār al-Shāmiyyah. Jil.2 Hlm. 102.

‘Alīsh, Muhammad.(1989). Sharhu Manhi al-Jalīl ‘Ala Mukhtasar al-‘Allāmah Khalīl. Beirut: Dār al-Fikr. Jil. 3. Hlm. 545.

Hamdi Ishak. (2010). Kes-kes Nusyuz di Mahkamah Syariah: Cabaran dan Permasalahannya. Kertas kerja Seminar Pemahaman Enakmen Keluarga Islam Kedah, Anjuran Kerajaan Negeri Kedah dengan Kerjasama Jawatankuasa Syariah Badan Peguam Kedah/Perlis. Baling, Kedah. 22 April 2010.

Maznah Mohamad. (2000). Di Mana Berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam. Dlm. Abdul Monir Yaacob (pnyt). Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN, Kuala Lumpur: Unit Penerbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia. Cet. Ke-2. Hlm. 237-261.

Musa Awang. (2004). *Peguam Sukar Buktiikan Elemen Nusyuz*. Utusan Malaysia, 8 Oktober 2004.

Raihanah Hj. Azahari. (2007). Permasalahan Rumah tangga: Kajian di Unit Undang-undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor. *Jurnal Syariah*, 15(1), 115-128.

Razali Haji Nawawi. (1998). Hak-hak Wanita dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor. Dlm. Ahmad Ibrahim et al. al-Ahkām. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil.6. Hlm. 82-89.

Statut

Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Seksyen 60 (2) dan 60 (3).

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004. Seksyen 63, 64, 65, 66 dan 67.